

Mahathir kepada negara2 maju: Jangan terlalu banyak cakap

UM 15 Okt 1982

SUYA (Fiji), 15 Okt. —

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menggesa negara-negara maju supaya jangan terlalu banyak bercakap mengenai kemurahan hati mereka dalam membantu negara-negara miskin.

Perdana Menteri menegaskan, sebaliknya negara-negara maju hendaklah bertanya diri sendiri bagaimana nak dapat mereka meningkatkan daya pengeluaran sendiri tanpa perlu mengeksploit negara-negara lemah.

"Apabila hakikat ini disadari, negara-negara maju akan benar-benar memahami masalah negara miskin dan tentang perlunya masalah itu diatasi segera," tambah beliau.

Berucap di majlis pembukaan perbincangan mengenai tajuk kerjasama ekonomi dan kefungisian serantau di hari kedua persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel Rantau Asia Pasifik (CHOGRM), di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata:

Dari Abdullah Hassan

KETUA PENYUNTING UTUSAN MALAYSIA

"Sebelum ini, daya pengeluaran negara-negara maju dapat dipertahankan, walaupun wujud masalah buruh dan mogok dan ini adalah kerana mereka mempunyai tanah jajahan untuk bergantung.

"Tetapi sekarang, tanpa tanah jajahan dan kawasan pengaruh mereka tidak mungkin lagi negara-negara tersebut dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi mereka terutama bila terdapat kaum pekerja yang tidak sanggup bekerja lama dalam sehari dan banyak hari dalam seminggu."

Perdana Menteri menarik perhatian: "Sudah menjadi suatu perkara biasa sekarang untuk melihat bahawa terdapat negara-negara maju ini yang kadar pertumbuhan ekonominya di peringkat kosong.

Beliau lalu berharap persidangan CHOGRM ini akan dapat menyampaikan mesej penting ini kepada negara-negara maju, pertama sekali negara-negara maju dalam Komanwel dan selepas itu negara-negara di luar pertubuhan itu.

Sebelumnya Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau merasakan terdapat negara-negara perusahaan yang maju yang telah menyalahgunakan perkataan "bebas" di dalam sistem perdagangan bebas.

Mereka benar-benar berjudak bebas untuk menelan negara-negara membangun menerusi amalan dan bentuk eksploitasi mereka.

"Mereka juga kelihatan telah gagal memahami bahawa kegiatan yang terlalu bebas seperti itu hanya boleh membawa kehancuran kepada sistem itu sendiri," ujar beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berpendapat kerjasama ekonomi dan kefungisian serantau di rantau Asia Pasifik merupakan satu cara pemuliharaan semula (revitalize) Komanwel.

Sebaliknya, Komanwel sedang diuji sekarang, katanya kerana negara-negara Komanwel di rantau

ini tidak dapat menghasilkan kerjasama ekonomi dan kefungisian, prestij Komanwel sendiri akan menurun dan kekesanan dan nilainya juga akan dipersoalkan.

Beliau tidak menafikan bahawa kebanyakan negara membangun termasuk Malaysia sendiri telah menikmati faedah hasil keanggotaannya dalam Komanwel dan perhubungan dengan ini pelbagai program bantuan di bawah Tabung Komanwel bagi Kerjasama Teknikal (CTTC) begitu sekali berfaedah.

Bagaimanapun, tambah beliau, para anggota akan hanya merasai kelesaan sendiri sekiranya pada masa yang sama mengakui bahawa beberapa tahun lalu pengaruh Komanwel telah merosot.

Hakikat ini berlaku kerana hasil tindakan atau kerana tiada tindakan pengerak-pengerak utama Komanwel sendiri, tambahnya.